

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4/(16)

05 Ogos 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 10/2008

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan,

PERATURAN PEMBAYARAN PELAJAR

1.0 TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini ialah untuk menerangkan berkenaan Peraturan Pembayaran Pelajar yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Universiti.
- 1.2 Pembayaran yang dimaksudkan adalah meliputi semua bayaran yang diwajibkan ke atas pelajar sepetimana yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 KAEADAH BAYARAN

2.1 Pelajar Baru

- 2.1.1** Pelajar baru kursus Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Program Pengajian Siswazah wajib menjelaskan semua bayaran yang telah ditetapkan **selewat-lewatnya semasa hari pendaftaran. (Sila rujuk arahan pembayaran yang terdapat di Buku Tawaran Kemasukan).**

2.2 Pelajar Kanan

2.2.1 Pelajar Kursus Diploma/Ijazah Sarjana Muda

Semua pelajar Kanan dari Kursus Diploma/Ijazah Sarjana Muda yang berpenaja, tiada berpenaja atau menerima wang tajaan penuh dari penaja dan tidak melalui Pejabat Bendahari diwajibkan menjelaskan semua bayaran **dalam tempoh tiga (3) minggu selepas semester bermula.**

Pelajar yang gagal mematuhi peraturan di atas akan digugurkan status pendaftaran matapelajaran pada semester berkenaan.

2.2.2 Pelajar Program Pengajian Siswazah

Pelajar Kanan dari Program Pengajian Siswazah selain dari yang ditaja sepenuhnya oleh Penganjur di mana bayarannya dibuat melalui Pejabat Bendahari diwajibkan menjelaskan semua bayaran **dalam tempoh tiga (3) minggu selepas semester bermula.**

Pelajar yang gagal mematuhi peraturan di atas akan digugurkan status pendaftaran matapelajaran pada semester berkenaan.

Pelajar yang mengikuti program pengajian siswazah secara separuh masa dikenakan yuran pelajaran 60% daripada kadar biasa manakala yuran-yuran lain perlu dijelaskan sepenuhnya.

Pelajar Kanan di bawah Skim Biasiswa/Pembantu Penyelidik/Pegawai Penyelidik dan kakitangan kontrak & kakitangan UTHM yang belum mendapat pengecualian yuran dari pihak Senat perlu membayar semua yuran **dalam tempoh tiga (3) minggu selepas semester bermula.**

Pengecualian yuran hanya untuk yuran pelajaran sahaja. Sekiranya pengecualian yuran diluluskan oleh pihak Senat, yuran-yuran lain perlu dijelaskan sendiri oleh pelajar.

Pengecualian yuran diberi berdasarkan kepada prestasi pelajar dan ianya perlu dipohon selewat-lewatnya minggu pertama awal semester dari pihak Senat melalui Pusat Pengajian Siswazah mulai semester kedua pengajian.

2.2.3 Pelajar Yang Tamat Biasiswa Atau Sedang Memohon Perlanjutan Biasiswa

Pelajar yang ditamatkan biasiswa atau sedang memohon perlanjutan biasiswa diwajibkan menjelaskan semua yuran pengajian dalam tempoh tiga (3) minggu selepas semester bermula.

2.2.4 Pelajar Berpenganjur Yang Tidak Ditaja Sepenuhnya Oleh Penaja Di Mana Wang Tajaan Dibayar Melalui Pejabat Bendahari

Pelajar-pelajar yang berkenaan hendaklah menjelaskan jumlah perbezaan yang tidak ditaja oleh penaja **dalam tempoh tiga (3) minggu selepas semester bermula.**

3.0 Tindakan Terhadap Pelajar Yang Gagal Menjelaskan Pembayaran

- 3.1 Pelajar seperti di para 2.1.1, 2.2.1, 2.2.2, 2.2.3 dan 2.2.4 yang gagal menjelaskan semua bayaran atau mendapatkan pengecualian selepas tempoh yang ditetapkan akan dikenakan tindakan seperti berikut :-

- 3.1.1 Digugurkan status pendaftaran matapelajaran bagi pelajar yang telah mendaftar.
- 3.1.2 Tidak dibenarkan daripada membuat pendaftaran matapelajaran.
- 3.1.3 Ditahan daripada menghadiri kuliah
- 3.1.4 Ditahan daripada menduduki peperiksaan
- 3.1.5 Ditahan keputusan peperiksaan
- 3.1.6 Digantung pengajian
- 3.1.7 Diberhentikan
- 3.1.8 Tidak akan digraduankan
- 3.1.9 Ditahan Transkrip keputusan peperiksaan

4.0 Peraturan Pembayaran Bagi Semester III

4.1 Jenis Yuran Yang Dikenakan (*Untuk Subjek yang ditawarkan sahaja*)

4.1.1 Yuran Pelajaran

Yuran Pelajaran yang dikenakan mengikut jumlah Jam Kredit yang diambil seperti berikut :-

4.1.1 Jenis Kursus	Kadar Yuran
Diploma (Semua Kursus)	RM15.00 setiap kredit
Ijazah Sarjana Muda (Semua Kursus)	RM45.00 setiap kredit

4.1.2 Yuran Perkhidmatan Universiti

Jumlah yang dikenakan adalah sama seperti bayaran Semester I dan II.

4.1.3 Yuran Asrama

Mengikut perkiraan berdasarkan tempoh Semester III.

4.1.4 Pelajar Yang Mengambil Latihan Industri / Latihan Praktikal / Latihan Mengajar / Bengkel

4.1.4.1 Sekiranya matapelajaran Latihan Industri / Latihan Praktikal / Latihan Mengajar / Bengkel merupakan kurikulum yang ditetapkan untuk diambil oleh pelajar dalam Semester III, yuran pengajian Semester III mereka telah diambil kira pada bayaran yuran pengajian Semester Lazim.

4.1.4.2 Jika matapelajaran Latihan Industri / Latihan Praktikal / Latihan Mengajar / Bengkel merupakan kurikulum yang ditetapkan untuk diambil oleh pelajar dalam Semester Lazim, pelajar dikenakan bayaran walaupun menjalani Latihan Industri / Latihan Praktikal / Latihan Mengajar / Bengkel dalam Semester III.

4.1.4.3 Yuran pengajian Semester III akan dikenakan kepada pelajar-pelajar yang mengulang Latihan Industri / Latihan Praktikal / Latihan Mengajar / Bengkel.

4.2 Cara Pembayaran

Pelajar diwajibkan menjelaskan semua yuran di atas semasa membuat pra pendaftaran / pendaftaran matapelajaran. Pelajar yang gagal menjelaskan pembayaran tidak dibenarkan mendaftar matapelajaran pada semester tersebut. Pelajar yang telah menjelaskan pembayaran tetapi menarik diri atau mengurangkan jumlah jam kredit yang diambil, tidak berhak menuntut pemulangan bayaran selepas tarikh rasmi pendaftaran matapelajaran.

5.0 Pelajar Kursus Diploma, Sarjana Muda Dan Program Pengajian Siswazah Dalam Semester Lanjutan

5.1 Pelajar Kursus Diploma/Sarjana Muda

5.1.1 Pelajar Kursus Diploma/Sarjana Muda yang mengikuti semester lanjutan (melebihi tempoh pengajian) yang mengambil 6 jam kredit atau kurang dikenakan **separuh yuran pelajaran** dari kadar biasa manakala lain-lain yuran perlu dijelaskan sepenuhnya.

5.1.2 Pelajar Kursus Diploma/Sarjana Muda yang berdaftar tahun akhir (semester lanjutan) yang telah menyempurnakan syarat-syarat kursus kecuali syarat latihan praktik dikecualikan daripada membayar yuran pelajaran manakala lain-lain yuran perlu dijelaskan sepenuhnya.

5.2 Pelajar Program Pengajian Siswazah

5.2.1 Pelajar Kursus Sarjana dan Doktor Falsafah yang mengikuti semester lanjutan (melebihi tempoh pengajian) yang mengambil 6 jam kredit atau kurang dikenakan **separuh yuran pelajaran** dari kadar biasa manakala lain-lain yuran perlu dijelaskan sepenuhnya.

- 5.2.2 Pelajar Program Pengajian Siswazah yang telah menghantar tesis dan menunggu penilaian/peperiksaan akan diberi **pengecualian yuran pengajian secara automatik** untuk semester berikutnya dengan syarat telah memenuhi tempoh lazim semester pengajian pelajar terlibat.

6.0 Pelajar Kursus Diploma / Sarjana Muda Yang Menjalani Latihan Industri / Latihan Praktikal / Latihan Mengajar Dalam Semester Lazim

Pelajar yang menjalani Latihan Industri / Latihan Praktikal / Latihan Mengajar dalam Semester Lazim iaitu Semester I dan II dikenakan separuh yuran pelajaran daripada kadar biasa, manakala yuran-yuran lain perlu dijelaskan sepenuhnya oleh pelajar.

7.0 Peraturan Umum

7.1 Penarikan Diri Dari Asrama Semasa Pengajian

- 7.1.1 Pelajar yang berhenti atau menarik diri dari mendiami asrama dikehendaki menjelaskan pembayaran yuran asrama sepenuhnya. **Sebaliknya pelajar yang telah menjelaskan bayaran di atas tidak berhak menuntut pemulangan.**
- 7.1.2 Pelajar yang mendiami asrama semasa cuti juga tertakluk kepada Peraturan 7.1.1.

7.2 Tuntutan Yuran Pengajian Bagi Kes Khas

7.2.1 Tindakan Tatatertib

Pelajar yang melakukan kesalahan dan dikenakan tindakan tatatertib (hukuman dikuatkuasakan) sama ada diberhentikan atau digantung pengajian pada semester yang sama, dikehendaki menjelaskan semua bayaran bagi semester yang berkenaan. Jika pelajar digantung pengajian melebihi satu semester, pelajar tidak perlu membayar yuran pengajian di semester pelajar berstatus tidak aktif.

7.2.2 Menarik Diri Dari Mengikuti Kursus

Pelajar berdaftar (termasuk pelajar yang telah membuat pra pendaftaran mata pelajaran) yang menarik diri dari mengikuti kursus setelah semester bermula dikehendaki menjelaskan semua bayaran yuran semester berkenaan.

Pelajar baru yang diluluskan menarik diri oleh Universiti di dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pendaftaran, adalah layak mendapatkan semula sebahagian daripada yuran yang telah dijelaskan. Tiada pemulangan diberi sekiranya permohonan menarik diri diluluskan selepas daripada tempoh di atas.

7.2.3 Penangguhan Pengajian/Cuti Sakit

Pelajar yang diluluskan permohonan penangguhan pengajian/cuti sakit oleh pihak berkuasa Universiti pada sesuatu semester dikehendaki menjelaskan yuran seperti berikut:-

- 7.2.3.1 Jika kelulusan diberi sebelum cuti pertengahan semester berakhir, pelajar dikehendaki menjelaskan separuh dari yuran pelajaran.
- 7.2.3.2 Sekiranya kelulusan diberi setelah cuti pertengahan semester berakhir, pelajar dikehendaki menjelaskan keseluruhan yuran pelajaran.
- 7.2.3.3 Pelbagai yuran lain perlu dijelaskan sepenuhnya untuk perkara 7.2.3.1 dan 7.2.3.2 di atas, manakala yuran asrama mengikut kiraan sebenar menduduki asrama.

8.0 Peringatan Kepada Pelajar

Pelajar adalah diminta menyedari akan tanggungjawab serta kesan perlaksanaan Pekeliling ini seperti yang dinyatakan di atas dan di **Lampiran A**.

9.0 Kadar Yuran Pengajian

Kadar yuran pengajian adalah berdasarkan kadar yang sedang berkuatkuasa .

10.0 Pembatalan

Dengan terlaksananya pekeliling ini, maka Pekeliling Bendahari Bil. 7/2003 mengenai Peraturan Pembayaran Pelajar adalah dibatalkan.

11.0 Kuatkuasa Pekeliling

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai Semester I Sesi Pengajian 2008/2009.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah sangat-sangat diharapkan untuk memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA"

Yang benar,

ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

☎ : Samb. 7050

- s.k - YBhg. Pemangku Naib Canselor
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar Dan Alumni)
- YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa)
- Ketua Unit Audit Dalam

Lampiran A

**PERKARA-PERKARA PENTING UNTUK DIAMBIL
PERHATIAN/TINDAKAN OLEH PELAJAR**

1. Adalah menjadi tanggungjawab pelajar menjelaskan semua bayaran bagi setiap semester pada tarikh yang ditetapkan mengikut Pekeliling Bendahari Peraturan Pembayaran Pelajar yang berkuatkuasa sehinggalah mereka menamatkan pengajian di UTHM.
2. Pengeluaran bil tuntutan kepada pelajar merupakan proses pentadbiran sahaja. Sekiranya pelajar tidak menerima bil tuntutan, mereka masih tertakluk kepada tindakan mengikut Peraturan Pembayaran Pelajar yang berkuat kuasa.
3. Bil tuntutan pembayaran akan dikemukakan melalui alamat tetap pelajar selewat-lewatnya seminggu sebelum semester bermula. Senarai hutang berkenaan juga akan dipamerkan di papan kenyataan Fakulti-fakulti.
4. Bil tuntutan pembayaran juga akan dikeluarkan kepada pelajar berpenganjur jika biasiswa/ pinjaman mereka belum diterima, untuk makluman/semakan/tindakan pembayaran (jika berkenaan).
5. Pelajar juga boleh meminta Pejabat Bendahari memberikan maklumat hutang mereka lebih awal lagi atau jika bil tuntutan hilang / tidak diterima.
6. Yuran/hutang yang perlu dijelaskan oleh pelajar meliputi semua bayaran termasuk yuran pengajian (yuran pelajaran, yuran asrama, yuran perkhidmatan Universiti, yuran aktiviti, yuran khidmat pelajar, yuran Minggu Haluan Siswa, yuran ko-kurikulum, yuran pendaftaran, yuran alumni, yuran peperiksaan, yuran perkhidmatan komputer, yuran khairat dan lain-lain termasuk pinjaman tabung).
7. Pelajar berpenganjur yang menerima biasiswa pelajaran mereka terus dari penganjur dianggap sebagai pelajar persendirian bagi maksud bayaran yuran yang ditetapkan dan tertakluk kepada tindakan yang dinyatakan terdahulu.
8. Pelajar yang memohon perlanjutan biasiswa melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan kelulusan mengenainya tidak diperolehi sehingga tempoh pembayaran yang telah ditetapkan tamat, dianggap pelajar persendirian dan mereka dikehendaki menjelaskan sendiri semua yuran pengajian dalam tempoh tiga (3) minggu selepas semester bermula.
9. Pelajar yang digantung pengajian dianggap telah menggunakan satu semester pengajian dan mereka dikehendaki menjelaskan semua bayaran semester di mana pelajar telah mendaftar matapelajaran, sebelum diterima meneruskan pengajian pada semester berikutnya.
10. Pelajar yang telah membuat pra pendaftaran atau pendaftaran sebenar matapelajaran dan layak meneruskan pengajian pada semester berikutnya tetapi tidak bercadang meneruskan pengajian mereka kerana menarik diri atau memohon penangguhan pengajian, dikehendaki mengemukakan permohonan kepada Pejabat Pengurusan Akademik dengan segera untuk pelarasaran rekod serta tindakan berkaitan. Pelajar yang gagal berbuat demikian (sebelum semester bermula atau sebelum tarikh akhir pendaftaran matapelajaran) masih dianggap sebagai pelajar berdaftar dan dikehendaki menjelaskan semua bayaran untuk semester berkenaan.

11. Pelajar Kanan (para 2.2) dibenarkan menjelaskan bayaran secara ansuran sebelum tarikh akhir pembayaran yang telah ditetapkan. Semua pembayaran yuran perlu dijelaskan secara tunai di kaunter pembayaran Pejabat Bendahari tertakluk kepada kelulusan Bendahari.